



17 Mac 2022  
17 March 2022  
P.U. (A) 63

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PATEN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2022

### *PATENTS (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PATEN 1983  
PERINTAH PATEN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88E Akta Paten 1983 [*Akta 291*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Paten (Pindaan Jadual Kedua) 2022.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2022.

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Jadual Kedua kepada Akta Paten 1983 [*Akta 291*], yang disebut “Jadual Kedua” dalam Perintah ini, dipinda—

(a) dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berhubungan dengan butiran “Seksyen 3” dengan butir-butir yang berikut:

(1)	(2)
Peruntukan	Ubahsuaian
Akta	

“1. Dalam takrif “hak”—

(a) gantikan “permohonan paten” dengan “permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti”; dan

(b) gantikan “paten” dengan “perakuan pembaharuan utiliti”.

2. Dalam takrif “keluaran farmaseutikal”—
    - (a) gantikan “keluaran yang dipaten” dengan “keluaran yang baginya suatu perakuan perbaharuan utiliti telah diberikan”; dan
    - (b) gantikan “proses yang dipaten” dengan “proses yang baginya suatu perakuan perbaharuan utiliti telah diberikan”.
  3. Dalam takrif “pemunya paten” atau “pemunya sesuatu paten” atau “pemunya suatu paten”, gantikan “paten” dengan “perakuan perbaharuan utiliti.”;
- (b) berhubung dengan butiran “Seksyen 13”, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:
- |            |            |
|------------|------------|
| (1)        | (2)        |
| Peruntukan | Ubahsuaian |
| Akta       |            |
- “3. Gantikan “seksyen 12” dengan “seksyen 17”.;
- (c) berhubung dengan butiran “Seksyen 14”, dalam ruang (2), dalam perenggan 14(2)(b), dengan menggantikan perkataan “perakuan perbaharuan utiliti yang diberikan” dengan perkataan “permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti yang disiarkan di bawah seksyen 33D”;
- (d) berhubung dengan butiran “BAHAGIAN VI (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya di bawah ini)”, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perenggan 4 perenggan yang berikut:

(1)	(2)
Peruntukan	Ubahsuaian
Akta	

“5. Gantikan “tuntutan atau tuntutan-tuntutan” dengan “tuntutan”.;

- (e) dalam ruang (2), dengan menggantikan butir-butir yang berhubungan dengan butiran “Seksyen 28” dengan butir-butir yang berikut:

(1)	(2)
Peruntukan	Ubahsuaian
Akta	

“1. Potong subseksyen (1A) dan (2A).

2. Masukkan perkataan “atau” di akhir perenggan (3)(a).

3. Gantikan koma bernoktah dengan noktah di akhir perenggan (3)(b).

4. Potong perenggan (3)(c) dan (d).

5. Dalam subseksyen (6), potong perkataan “,(2A).”;

- (f) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memotong butiran “Seksyen 34” dan butir-butir yang berhubungan dengannya;

- (g) dengan memasukkan selepas butiran “Seksyen 33B” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

(1)	(2)
Peruntukan	Ubahsuaian
Akta	

“Seksyen 34A. Gantikan “kebolehpatenan” dengan “kelayakan.”;

(h) berhubung dengan butiran “Seksyen 35”, dalam ruang (2)—

- (i) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Suatu permohonan perlanjutan di bawah subseksyen (2) hendaklah” perkataan “dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan”; dan
- (ii) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Warta” dengan perkataan “Jurnal Rasmi”;

(i) berhubung dengan butiran “Bahagian XV (kecuali dalam seksyen 86)”—

- (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:

(1)	(2)
Peruntukan	Ubahsuaian
Akta	

“3. Gantikan “permohonan paten” dengan “permohonan bagi perakuan perbaharuan utiliti”.

4. Gantikan “tuntutan atau tuntutan-tuntutan” dengan “tuntutan”.